

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	24/01/2018

ISU GRADUAN JUAL NASI LEMAK, BAWA UBER

Pilihan graduan tak patut dipolitikkan Dr Mahathir

BH - 24/1/2018 19.15

➔ Masalah pengangguran turut berlaku pada zaman pemerintahan Tun M

Oleh Nik Sukry Ramli
niksukry@bh.com.my

▀ Kuantan

Pilihan graduan untuk menjual nasi lemak atau menjadi pemandu Uber mahupun Grab tidak sepatutnya dijadikan bahan politik oleh Tun Dr Mahathir Mohamad.

Yang Dipertua Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) Pahang, Yusri Yusof, berkata seba-

liknya Dr Mahathir patut berbangga dengan semangat segelintir lepasan institusi pengajian tinggi (IPT) yang berani berusaha mencari pendapatan sampingan berbanding hanya menumpukan pada kerja makan gaji.

Patut beri semangat

“Sepatutnya kita memberi semangat kepada golongan seperti ini, bukan memperkecilkan usaha mereka. Apa salahnya jika mereka memilih untuk menjual nasi lemak atau menjadi pemandu Uber, asalkan ia adalah hasil usaha sendiri dan tidak meminta-minta daripada sesiapa.

“Jika nak kata peluang pekerjaan terhad akibat keadaan ekonomi semasa, masalah ini tidak hanya berlaku di sini kerana boleh dikatakan seluruh dunia berdepan situasi sama (kemelesetan ekonomi).

“Kita jangan pula lupa, ketika Tun (Dr Mahathir) menjadi Perdana Menteri dulu, masalah pe-

ngangguran juga berlaku. Jadi, tidak perlulah kita mempolitikkan semua perkara. Kalau semua nak dijadikan modal (politik), payahlah macam ini,” katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Dr Mahathir pada satu sesi bual bicara disiarkan melalui Facebook pada 17 Januari lalu, dilaporkan sebagai berkata, peningkatan jumlah graduan universiti tidak bekerja dalam bidang dipelajari secara akademik membuktikan kegagalan kerajaan menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat.

Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu mendakwa ramai graduan kini terpaksa bekerja sebagai pemandu Uber atau menjual nasi lemak dan keadaan itu memalukan serta tidak patut ditunjukkan kepada media sebagai kejayaan.

Yusri berkata, graduan ketika ini lebih bertuah kerana ada banyak pilihan mencari pendapatan sam-

pingan berbanding zaman kemelesetan ekonomi sekitar 1988 dan 1997.

Kerajaan sedia latihan, dana

Selain boleh menceburi perniagaan dalam talian, beliau berkata, mereka juga disediakan platform menawarkan perkhidmatan seperti Uber dan Grab, selain berniaga kecil-kecilan melalui modal disediakan kerajaan.

“Pilihan sudah banyak, terpuang kepada mereka untuk merebut peluang. Kerajaan turut menyediakan pelbagai latihan dan dana yang boleh dimohon jika mereka berminat menyertai bidang perniagaan atau perkhidmatan.

“Sekurang-kurangnya mereka boleh menjadi usahawan dan menyediakan peluang pekerjaan kepada orang lain berbanding hanya menunggu peluang mencari kerja semata-mata (makan gaji) selepas menamatkan pengajian di IPT,” katanya.